

2,000 atlet 'bertempur' di USIM

Oleh **Mohd Amin Jalil** - Ogos 18, 2023 @ 5:19pm
bhsukan@bh.com.my



Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar merasmikan MASUM di Kompleks Sukan Tunku Najiha.

NILAI: Seramai 2,000 atlet mewakili 20 Universiti Awam (UA) berkampung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini untuk bersaing merebut kejuaraan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Sharifudin Md Shaarani, berkata kejohanan yang bermula semalam hingga Ahad ini menawarkan sebanyak 59 pingat emas.

Katanya, sebanyak lapan acara dipertandingkan iaitu bola keranjang, lawn bowls, bola tampar, bola baling, memanah, taekwondo, softbol dan menembak.

"Karnival sukan ini bakal menjadi medan pemilihan atlet sebelum penyertaan dalam Sukan Institusi Pendidikan Malaysia yang akan diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 16 hingga 20 September ini.

"Namun, yang lebih menarik ia juga akan digunakan segelintir atlet untuk persiapan menghadapi Sukan Asia di Hangzhou China, bulan depan," katanya.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar merasmikan karnival berkenaan di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM, malam tadi.

Sharifudin berkata, Karnival Fasa 2 akan bersambung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dari 23 hingga 30 Ogos ini.

"Fasa 2 akan membabitkan lapan acara iaitu ragbi, bola jaring, hoki, petanque, catur, karate, silat dan basikal MTB," katanya.

Pada kejohanan yang sama tahun lalu, kontingen Universiti Teknologi MARA (UiTM) mendominasi Karnival Fasa 1 yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, dengan membawa pulang 13 pingat emas, 7 perak dan 8 gangsa.

UiTM yang juga juara 2018 dan 2019 dijangka mampu meneruskan dominasi mereka kali ini.